

'PH tak mampu bertahan lama'

Shah Alam: Pakatan Harapan (PH) tidak mampu bertahan lama kerana perjuangan gabungan itu berkonsepkan politik asimilasi yang akan memadamkan identiti ketiga-tiga parti sekutu.

Penganalisis politik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Mohd Izani Mohd Zain, berkata dasar yang dipersetujui oleh PKR, DAP dan Parti Amanah Rakyat (PAN) tidak sesuai diamalkan dalam masyarakat berbilang kaum kerana akan menyekat suara mana-mana parti untuk membangkitkan sesuatu isu, terutama membabitkan agama.

"Seperti PAN, dasar perlembagaannya adalah Islam dan selepas ini, PAN mungkin tidak boleh lantang mengenai Islam.

Putus hubungan

"Mungkin juga PAS sudah menyedari perkara ini dan atas sebab itu mereka memutuskan hubungan dengan DAP serta eng-

“

Dasar dipersetujui PKR, DAP dan Parti Amanah Rakyat (PAN) tidak sesuai diamalkan dalam masyarakat berbilang kaum kerana akan menyekat suara mana-mana parti untuk membangkitkan sesuatu isu, terutama membabitkan agama”

Mohd Izani Mohd Zain,
Penganalisis politik UPM

gan menyertai PH.

"Sebenarnya, adalah sukar untuk mengamalkan politik asimilasi kerana setiap parti ada dasar perjuangan. Jika di Indonesia sekali pun, setiap parti ada agenda tersendiri yang tidak mungkin akan terpadam," katanya ketika dihu-

bungi, semalam.

Mohd Izani berkata, berbeza dengan Barisan Nasional (BN), komponennya mengamalkan politik integrasi dengan semua parti bebas memperjuangkan dasar masing-masing, namun pada masa yang sama menghormati perbezaan yang ada, malah ia dapat ditangani secara harmoni.

3 parti mahu jadi tonggak

Sementara itu, penganalisis politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Datuk Dr Samsul Adabi Mamat, berkata beliau tidak menolak kemungkinan 'pangas akan berbuah dua kali' dan PH akan senasib seperti pakatan pembangkang sebelum ini.

Katanya, masalah akan timbul kerana ketiga-tiga parti sekutu ingin menjadi tonggak, sekali gus menimbulkan perbalahan serta ketidakpuasan hati.

"Sebelum ini, PAS dan DAP masing-masing hendak tunjuk

siapa hebat dan begitu juga dengan PKR hendak juga jadi parti tonggak.

"Suasana seperti ini mungkin akan berlaku lagi dalam PH jika tidak ditangani dengan baik.

"Banyak perkara yang menimbulkan tanda tanya walaupun perjanjian PH sudah ditandatangani.

"Tanpa PAS, PH akan ada masalah kerana selama ini PAS adalah aset utama kempen pilihan raya. PKR tidak kuat dalam berkempen, manakala DAP hanya tahu menanggung di air keruh," katanya.

Kelmarin, PH mengumumkan Perjanjian PH yang mengandungi tujuh asas termasuk boleh menggugurkan mana-mana anggota sekutu yang tidak mematuhi dasar dipersetujui bersama.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dan Presiden PAN, Mohamad Sabu.